



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْهَوَالِ اِكَامَةِ اِسْلَامِ نِجَرِي سَابَا

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

15 SYAABAN 1446H / 14 FEBRUARI 2025M

“MANHAJ AL-QURAN PACU KEJAYAAN”

*Disediakan oleh:*

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

## **KHUTBAH JUMAAT**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ بُرْهَنٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ نُورًا مُّبِينًا ﴿١٧٤﴾  
(النساء: 174)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ  
مُسْلِمُونَ ﴿١٢٢﴾

### **SAUDARA MUSLIMIN TETAMU ALLAH YANG MULIA**

Marilah kita terus istiqamah meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Sesungguhnya sesiapa yang bertakwa kepada Allah dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya, nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar dari segala perkara yang menyusahkannya, serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya.

Bersempena dengan Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Sabah bagi tahun 1446H/2025M yang berlangsung dari 13 hingga 16 Febuari ini, mimbar hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk “Manhaj Al-Quran Pacu Kejayaan.”

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT**

Maha Hebat Tuhan yang menurunkan al-Quran kepada hamba-Nya (Muhammad), untuk menjadi peringatan dan amaran bagi seluruh

penduduk alam. Al-Quran adalah sebuah kitab suci yang berperanan sebagai manhaj atau panduan lengkap bagi umat Islam dalam mencapai kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Ini sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah SWT dalam surah an-Nisaa' ayat 174 yang dibacakan pada mukaddimah khutbah yang **maksudnya:** *“Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu: Bukti dari Tuhan kamu, dan Kami pula telah menurunkan kepada kamu (al-Quran sebagai) Nur (cahaya) Yang menerangi (segala apa jua Yang membawa kejayaan di dunia ini dan kebahagiaan Yang kekal di akhirat kelak).”*

Justeru, manhaj al-Quran memberikan petunjuk jelas mengenai cara untuk manusia hidup dengan penuh bermakna, bermanfaat, dan berjaya. Antara prinsip dalam al-Quran yang boleh membimbing kita menuju kejayaan sebenar adalah seperti berikut:

### **Pertama: Manhaj Al-Quran sebagai Panduan Hidup**

Manhaj al-Quran memberi panduan yang mencakupi setiap aspek kehidupan, meliputi ibadah, kehidupan sosial, etika perniagaan, pembangunan diri dan lain-lain lagi. Aspek utama yang ditekankan ialah keimanan, ketaatan, akhlak mulia, kewajipan terhadap masyarakat dan sebagainya. Justeru memahami isi kandungan al-Quran dan menghayati ajarannya membolehkan seseorang memperbaiki diri serta berusaha menjadi seorang yang lebih baik dalam segala aspek kehidupan.

### **Kedua: Keimanan sebagai Asas Kejayaan**

Menurut al-Quran, keimanan yang kuat adalah asas kepada segala kejayaan. Allah berfirman dalam surah al-Mu'minun, ayat 1-9, yang **bermaksudnya:** *“Sesungguhnya berjayalah orang yang beriman, iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya; Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia; Dan mereka*

*yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu); Dan mereka yang menjaga kehormatannya kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya, maka sesungguhnya mereka tidak tercela; Kemudian sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka merekalah orang yang melampaui batas; dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya; Dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya;”.*

Berdasarkan kepada ciri-ciri orang beriman yang digariskan oleh Allah tersebut, jelas bahawa kejayaan dalam perspektif al-Quran bukan sekadar kejayaan material, tetapi turut merangkumi keberhasilan dalam mencapai ketenangan jiwa, kebahagiaan sejati, dan keredaan Allah SWT.

## **SAUDARA MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA**

### **Ketiga: Pentingnya Ilmu Pengetahuan**

Al-Quran menyeru umat manusia untuk sentiasa menimba ilmu. Melalui surah Al-‘Alaq ayat 1-5, Allah SWT memerintahkan umat Islam untuk membaca, meneliti, dan berfikir. Allah SWT berfirman:-

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۝ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝

**Yang bermaksud:** “*Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Dia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajarkan manusia melalui pena dan tulisan, Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.*”

Jelasnya, perintah menimba ilmu dalam al-Quran bukan sahaja terbatas kepada ilmu agama, tetapi juga ilmu keduniaan yang memberi manfaat kepada manusia. Melalui ilmu pengetahuan, seseorang boleh memajukan

diri dan masyarakat. Ini jelas menunjukkan bahawa al-Quran menitikberatkan ilmu sebagai asas kejayaan yang mampan.

#### **Keempat: Akhlak Mulia dalam Mencapai Kejayaan**

Salah satu aspek utama dalam manhaj al-Quran ialah akhlak yang mulia. Allah SWT menyeru umat Islam untuk mencontohi akhlak Rasulullah SAW, yang diutuskan untuk menyempurnakan akhlak manusia. Firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 21 yang **bermaksud**: *“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”*

Dengan akhlak yang baik, seseorang boleh mencapai kejayaan dalam segenap aspek kehidupan, termasuklah hubungan sosial, perniagaan, serta kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH**

##### **Kelima: Ketekunan dalam Berusaha dan Bersyukur**

Allah SWT menganjurkan kita supaya mengiringi setiap urusan yang baik dengan usaha atau amal yang lain dengan tekun. Ini kerana kejayaan akan datang kepada mereka yang berusaha bersungguh-sungguh. Selepas daripada itu juga kita digalakkan untuk bersyukur atas nikmat yang diberikan serta bertawakkal setelah melakukan usaha berterusan tanpa putus asa.

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Peringkat Negeri Sabah tahun ini diadakan bertepatan di pertengahan bulan Syaaban. Lazimnya kita mula bersiap-siap untuk menyambut kehadiran bulan Ramadan.

Terdapat beberapa hadis yang menyarankan akan kelebihan malam Nisfu Syaaban, namun tidak ada amalan-amalan tertentu melainkan amalan yang bersifat umum seperti memperbanyakkan zikir, istighfar, solat sunat, bersedekah, membaca al-Quran, menghadiri majlis-majlis ilmu dan lain-lain lagi.

Justeru pada kesempatan ini, khatib turut menyarankan agar kita mengisi bulan Syaaban ini dengan melaksanakan ibadah-ibadah sunat.

### **SAUDARA MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA**

Sebagai kesimpulan khutbah minggu ini, marilah sama-sama kita melazimi amalan membaca dan mentadabbur al-Quran. Sememangnya Manhaj al-Quran menyediakan asas yang kuat untuk memacu kejayaan hakiki. Al-Quran menganjurkan kita untuk sentiasa beriman, menuntut ilmu, menjaga akhlak, tekun berusaha, bersyukur, dan bertawakkal kepada Allah SWT. Jika kita benar-benar menerapkan manhaj ini, maka kejayaan akan datang dalam pelbagai bentuk, baik di dunia mahupun di akhirat. Firman Allah:-

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾ يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۖ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾

**Maksudnya:** “Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat benar (dalam segala perkara), Supaya Dia memberi taufik dengan menjayakan amal-amal kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهِدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang

Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

**Disediakan dan diedar oleh:**

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:**

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) [jheains.penerbitan@gmail.com](mailto:jheains.penerbitan@gmail.com) untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.